

15/05/1997

Pemuda Umno kesal sikap DAP

Idris Noor

TELUK INTAN, Rabu - Pergerakan Pemuda Umno kesal dengan sikap DAP yang masih mempertikaikan keputusan Mahkamah Tinggi Melaka terhadap Ahli Parlimen Kota Melaka, Lim Guan Eng, baru-baru ini.

Ketuanya, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, berkata pemimpin DAP sering menggunakan kempennya untuk menuduh dan menghasut rakyat seolah-olah keputusan mahkamah mengikut telunjuk kerajaan.

Menurutnya, jika pemimpin parti pembangkang itu berpendapat keadaan itu tidak adil mereka harus menilai semula kedudukan masing-masing sebagai rakyat Malaysia.

"Jika mereka taat sebagai rakyat negara ini, seharusnya mereka tidak mempertikaikan perkara itu dan menjadikannya isu kempen pilihan raya.

"Oleh itu, jika mereka masih mempertikaikannya, Pemuda Umno akan meminta kerajaan mengkaji taraf kerakyatan mereka," katanya kepada pemberita selepas majlis pemimpin bersama rakyat di Sekolah Kebangsaan Batak Rabbit di sini, malam tadi.

Mahkamah Tinggi Melaka, baru-baru ini mendapati Guan Eng bersalah terhadap tuduhan menghasut dan menerbitkan risalah mengandungi fakta palsu.

Menurut Zahid, lakonan pemimpin DAP selama ini yang menimbulkan isu yang tidak munasabah seolah-olah cuba menghasut rakyat.

"Padahal kerajaan cuba mewujudkan masyarakat seimbang dan tidak mengenakan tindakan melulu, malah tiada tekanan terhadap pembangkang sebagaimana di negara lain," katanya.

Berikutan itu, katanya, mereka harus berterima kasih sebagai pemimpin parti pembangkang tetapi jika masih bertindak sedemikian, Pemuda Umno berhak mempertikaikan taraf kerakyatan mereka.

Zahid juga berkata, DAP ketandusan isu dengan membangkitkan isu peletakan jawatan bekas Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik dan bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, dalam pilihan raya kecil Parlimen Teluk Intan.

Menurutnya, jika pemimpin sebelum ini dijatuhkan hukuman, mereka dengan rela mengundurkan diri tetapi beliau mempersoalkan kenapa Guan Eng tidak bersikap demikian.

Berikutan itu, beliau berkata, Pemuda Umno akan meminta Pejabat Peguam Negara mengambil tindakan terhadap anak Setiausaha Agung DAP itu dan bapanya, Lim Kit Siang, jika cukup bukti kedua-duanya mengeluarkan kenyataan yang dianggap menghina mahkamah.

"Apabila mahkamah mengambil tindakan terhadap wakil rakyat parti pemerintah, DAP kata itu adil tetapi apabila kena diri sendiri, mereka anggap itu tidak adil dan zalim serta tidak menerima hakikat itu," katanya.

Mengenai tindakan DAP memasang poster sebelum hari penamaan calon pilihan raya kecil Parlimen Teluk Intan, Zahid berkata, jika pihaknya mengambil tindakan undang-undang, DAP akan tuduh pergerakan terbabit tidak demokratik padahal poster hanya boleh dipasang selepas penamaan calon.

Berikutan itu, beliau mahu Majlis Daerah Hilir Perak (MDHP) segera bertindak terhadap DAP yang sepatutnya lebih tahu mengenai perkara itu kerana sama-sama menggubal undang-undang di Parlimen dan sidang Dewan Undangan Negeri (DUN).

Mengenai teguran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap media massa yang banyak melaporkan mengenai kes Guan Eng dan

parti pembangkang, Zahid menjelaskan apa yang dimaksudkan Dr Mahathir ialah sikap sebuah atau dua akhbar yang masih memberi keutamaan kepada berita sensasi berhubung pembangkang seolah-olah mereka di pihak yang benar.

"Apa yang dimaksudkan Perdana Menteri ialah laporan sebegini tidak harus mengelirukan pembaca dan rakyat," katanya.

(END)